

14/06/2003

Pegawai Amerika sendiri jamin Sabah selamat

Lichong Angkui

LAKSAMANA Thomas Boulton Fargo bukan calang-calang orang. Beliau pegawai tinggi tentera Amerika Syarikat (AS) dengan jawatan Komander Tentera Bagi

Pemerintahan Pasifik yang berpejabat di Kem HM Smith, Hawaii.

Menguasai keseluruhan angkatan armada laut, darat dan udara, Furgo ialah

pegawai paling penting menentukan keamanan dan keselamatan rantau Lautan Pasifik dan India meliputi lebih 100 juta batu persegi.

Justeru, tidak syak lagi, beliau begitu arif dengan suasana dan keadaan

pulau di perairan rantau ini. Jika tidak, mana mungkin Furgo boleh menjadi

pegawai tertinggi tentera sebuah kuasa besar seperti AS untuk memerintah satu daripada rantau terpenting ini.

Baru-baru ini, Furgo melawat perairan pantai timur Sabah, tempat berlakunya dua penculikan oleh kumpulan bersenjata Abu Sayyaf di Pulau Sipadan dan Pandanan pada 2000.

Beliau turut meninjau kawasan Ops Pasir, iaitu rangkaian kawalan keselamatan bersepadu dari Kudat di utara Sabah sehingga ke perairan Tawau

yang bersempadan dengan Indonesia.

Turut serta dalam lawatan itu ialah Panglima Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Jeneral Tan Sri Mohamad Zahidi Zainudin; Panglima Satu Divisyen, Mej Jen Datuk Mohamad Azumi Mohamed; dan Panglima 5 Briged, Brig Jen Datuk

Mohd Yassin Yahya.

Sekembalinya dari lawatan itu, Fargo memberitahu media di Kota Kinabalu

mengenai rasa puas hati terhadap kawalan keselamatan yang dilakukan sambil

menyifatkannya sesuatu yang mengagumkan.

Kata beliau, berdasarkan tinjauannya, didapati tahap kawalan oleh pasukan keselamatan negara ini begitu baik dan tentunya pengganas atau penjenayah akan beralih ke tempat lain.

Berikutan itu, Fargo memberi jaminan akan memaklumkan kepada Washington

mengenai maklumat yang diperolehnya sepanjang lawatan itu.

Sewajarnya pandangan itu diberi perhatian serius oleh Jabatan Negara AS

yang sebelum ini mengeluarkan nasihat perjalanan kepada rakyatnya supaya mengelak berkunjung ke Malaysia, khususnya Sabah, kerana bimbang dengan kegiatan pengganas.

Kalaulah seorang pegawai tinggi tentera seperti Furgo sudah membuat kenyataan terbuka sedemikian dan tidak diambil kira, pastilah nasihat itu

tidak dikeluarkan berdasarkan fakta, sebaliknya mungkin ada agenda tersembunyi atau muslihat tertentu.

Walaupun beliau tidak menyatakan akan membuat perakuan supaya nasihat

itu ditarik balik, suasana dan keadaan yang dilihatnya adalah manifestasi jelas keadaan sebenar di negara ini.

Mengulas nasihat perjalanan itu ketika melawat Sabah bulan lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri menjelaskan bahawa keadaan di Malaysia, khususnya Sabah, adalah aman dan selamat dikunjungi.

Perdana Menteri berkata, tindakan AS mengeluarkan amaran kononnya Malaysia tidak selamat sebenarnya disebabkan mereka takut dengan bayang-bayang sendiri selepas melakukan kezaliman terhadap banyak pihak.

Oleh kerana sudah melakukan banyak kekejaman dan membunuh ramai orang, justeru mereka kini takut untuk pergi ke luar negara.

"Mereka takut orang akan membunuh mereka. Mereka takut ke mana-mana walaupun sebenarnya Sabah dan Malaysia cukup selamat," kata Dr Mahathir sambil menjelaskan negara ini selamat dan bebas daripada pegganas kerana memiliki pasukan keselamatan yang sentiasa bersiap-sedia membendung kegiatan itu.

Berikutan kenyataan Fargo itu, pelbagai pihak menyarankan nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara AS, khususnya mengenai Malaysia dan Sabah, ditarik balik.

Dalam pada itu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Najib Razak, berharap kenyataan itu menjadi asas kepada negara luar lain agar tidak lagi mengeluarkan nasihat perjalanan mengaitkan negara ini, termasuk Sabah, sebagai tidak selamat untuk dilawati.

Ini kerana kenyataan itu dibuat berdasarkan realiti selepas melawat pulau serta perairan yang menempatkan pasukan kawalan keselamatan di Sabah.

"Bagi kita, penilaian Fargo adalah sesuatu yang objektif kerana beliau tahu apa kriteria yang digunakan sebelum membuat kesimpulan berhubung tahap tentera negara ini," kata Najib yang turut memberi jaminan bahawa kawalan keselamatan negara ini dalam keadaan cukup mantap.

Kemudian dalam reaksinya, Ketua Menteri Sabah, Datuk Musa Aman, berkata pengakuan terbuka pegawai tinggi tentera bahawa Sabah selamat dikunjungi harus dijadikan asas untuk menarik balik nasihat perjalanan yang melarang warga AS berkunjung ke Malaysia, khususnya Sabah.

Ini, katanya, berdasarkan keadaan keselamatan di Sabah sekarang jauh lebih baik berbanding dulu.